

Dua anak mati tertimbus

H.M 2/10/09 MS6



**Gempa
DI PADANG**

Laporan
Mohd Jamilul Anbia
Md Denin
Jurugambar
Effendy Rashid

Tragedi timpa isteri pada 2007 berulang

PADANG: Titisan air mata darah sekalipun tidak cukup untuk menggambarkan kesedihan Suleiman Wijoyo, 46, yang kehilangan dua anak serentak apabila bangunan kelas tuisyen mereka menyembah bumi dalam kejadian gempa bumi di kota ini, petang kelmarin.

Berita sedih itu sekali gus mengembalikan nostalgia menyayat hati lelaki terbabit yang turut kehilangan isteri tersayang akibat tragedi sama, kira-kira dua tahun lalu.

Jenazah kedua-dua anaknya, Cahaya Putri, 10, dan Budi, 8, ditemui bersama mayat 16 pelajar lain yang tertimbus di bawah bangunan kelas tuisyen yang runtuh akibat gegaran gempa sekuat 7.9 skala Richter, pada jam 5.16 petang kelmarin (waktu Indonesia).

Dalam kejadian 7 Mac 2007, Suleiman yang juga seorang peniaga bakso kaki lima kematian isterinya, Hernawati

Amed, 37, selepas rumah mereka menyembah bumi dan menghempap wanita berkenaan yang ketika itu sedang memasak di dapur.

Suleiman yang ditemui di perkampungan Jalan Amdul Muis di sini, malam tadi, berkata dalam kejadian gempa bumi mendadak petang kelmarin, kedua-dua anaknya yang sedang menghadiri kelas tambahan di kos Gama 1 di sini, tenggelam dalam runtuhan bangunan dua tingkat itu.

Menurutnya, dia yang ketika itu di gerai baksonya berasa tidak sedap hati sejurus gempa bumi menggarkan kawasan sekitar kota Padang, menyebabkan rusuk belakang gerainya runtuh.

"Gegaran kurang satu minit itu cukup kuat sehingga menyebabkan saya terhayang-hayang sebelum terjatuh. Malah, orang ramai yang berada di sekitar saya hanya mampu menjerit sambil berlari keluar dari rumah.



IDENTITI...orang ramai mengecam mayat saudara-mara di sebuah hospital.

"Sebaik gempa bumi itu berakhir, saya yang masih dalam keadaan pening bingkas bangun dan terus berlari ke arah bangunan kelas tambahan berkenaan," katanya.

Menurutnya, ketika itu yang terlintas di fikirannya hanyalah nasib Cahaya Putri dan Budi, yang ketika itu sedang mengikut kelas tuisyen di bangunan berkenaan bersama 39 pelajar lain.

Namun, sebaik tiba di bangunan kelas tambahan rakat itu, dia terus longlai se-

olah-olah tidak percaya apabila mendapati keseluruhan bangunan dua tingkat berkenaan menyembah bumi.

"Ketika itu tiada langsung kedengaran suara jeritan anak-anak meminta tolong. Semuanya menjadi sepi seolah-olah semua pelajar di dalamnya sudah tidak lagi bernyawa.

"Saya cuba menenangkan diri dan beristighfar panjang, namun ketika itu hati saya berat mengatakan kedua-dua anak saya sudah tiada ha-

rapan lagi," katanya sebak.

Menurut Suleiman, dia bersama beberapa penduduk dan ibu bapa pelajar lain kemudian terus berusaha mengangkat batu runtuhan terbabit, namun usaha mereka sia-sia kerana hanya menggunakan kudrat tulang empat kerat saja.

"Saya hanya mampu menangis sambil meratap dan menadahkan tangan ke langit memohon bantuan llahi.

"Dan sehingga kini (malam tadi), ramai lagi pelajar ma-



sih gagal dikeluarkan dari runtuhan konkrit itu," katanya.

Menurutnya, usaha mencari dan menyelamatkan semua kanak-kanak malang itu terbatas berikutan hanya satu jengkaut digunakan dengan bantuan satu generator kecil.

Sementara itu, seorang penduduk Kota Padang, Tuswandi Aria, 46, berkata kejadian gempa bumi kuat petang kelmarin bukan hanya meranapkan rumah usangnya, malah turut menyebabkan isterinya koma akibat dihempap kayu alang rumah.

Menurutnya, isterinya, Titi, 45, tidak sempat melarikan diri keluar dari rumah sebelum dihempap kayu di kepalanya.

"Isteri saya yang berlumuran darah itu dihantar ke Unit Gawat Darurat Rumah Sakit Tentera dan masih tidak sedarkan diri sehingga kini," katanya.

Bencana sudah ragut 1,100 nyawa

PADANG : (Indonesia): Suasana panik tercetus petang semalam apabila ratusan ribu penduduk bergegas meninggalkan Kota Padang di sini biarpun sudah hampir 24 jam gempa bumi kuat menghancurkan wilayah di Sumatera Utara ini.

Tindakan itu diambil berikutan khabar angin menyatakan satu lagi gempa susulan lebih kuat bakal berlaku dalam tempoh terdekat dan dijangka menyebabkan kebinasaan lebih besar.

Malah, berita dari mulut ke mulut itu tambah mencemaskan hampir sejuta penduduk yang bimbang gempa bumi terbabit turut membawa bersama tsunami seperti yang pernah dialami di Aceh pada 26 Disember 2004.

Setakat ini, gempa susulan hanya dirasakan penduduk sekitar jam 5.15 pagi semalam



BEREBUT...orang ramai beresak mendapatkan bekalan petrol.

dengan kekuatan mencecah 7.7 skala Richter berpusat di 57 kilometer di barat daya Pariaman dekat sini.

Wartawan Harian Metro yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Minangkabau di sini jam 2.45 petang waktu tempatan (3.45 petang waktu Malaysia) mendapati suasana cemas menyelubungi kawasan lapangan terbang terbabit apabila rata-rata warganya berpusu-pusu menaiki pesawat untuk meninggalkan bumi Minang ini.

Kesan kekuatan gegaran gempa bumi jam 5.20 petang kelmarin turut dapat dilihat apabila struktur bangunan lapangan terbang turut mengalami keretakan di merata tempat.

Bimbang berlaku gempa su-

sulan, kebanyakan penumpang dan ahli keluarga yang menunggu di balai ketibaan diarah berkumpul di hadapan ruang legar lapangan terbang itu oleh pihak berkuasa.

Suasana tambah menekan apabila bekalan elektrik dan air di seluruh wilayah Padang terputus sama sekali selain kegagalan sistem komunikasi berfungsi hampir sepenuhnya.

Akibatnya, ribuan penduduk berpusu-pusu mencari bekalan air minuman bersih selain turut mengerumuni stesen minyak untuk mendapatkan bekalan petrol dan minyak tanah.

Tekanan makin memuncak apabila kebanyakan stesen minyak kehabisan bekalan petrol sehingga terpaksa

mencatu jualan dengan mengehadkan pembelian hanya Rp100,000 (RM36) untuk kereta dan Rp10,000 (RM3.60) untuk motosikal.

Bagaimanapun, orang ramai yang terdesak sanggup beresak dengan masing-masing membawa botol atau bekas plastik untuk membeli minyak walaupun terpaksa menunggu giliran berjam-jam lamanya.

Walaupun anggaran awal menyatakan sekitar 240 mangsa terkorban, sehingga malam tadi angka itu terus meningkat kepada 1,100 orang seperti diumumkan Ketua Agensi Kemanusiaan Bangsa-Bangsa Bersatu, John Holmes.

Dia menyatakan angka itu dijangka terus meningkat.

Pengangkutan awam lumpuh

Kembara rawan tanah adat

BIARPUN baru menjekkan kaki di Kota Padang atau lebih dikenali sebagai Tanah Minangkabau, apa yang menghantui fikiran sebelum ini jelas bertukar menjadi terlalu ngeri dan menakutkan apabila bandar ini serta kawasan sekelilingnya hampir musnah sama sekali.

Sisa kemusnahan akibat gempa bumi petang kelmarin bukan calang-calang bencana alam apabila wartawan hanya mampu tergamu dan buntu seketika.

Di sana sini rumah penduduk runtuh dan bangunan ranap menyembah bumi manakala penduduk seolah-olah hilang punca serta tidak tahu di mana hendak mengadu nasib.

Masalah awal mula dirasakan apabila saya ditemani jurugambar, Effendy Rashid serta wartawan Berita Harian, Mohd Ifwan Tun Tuah dan wartawan New Straits Times (NST), Alang Bendahara gagal mendapatkan pengangkutan awam untuk ke bandar Padang hampir 24 ki-

lometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Minangkabau, Padang.

Kebanyakan pemandu teksi atau van Toyota Kijang yang selalunya berkeliaran di lapangan terbang, (lebih dikenali sebagai bandar udara) Minangkabau seolah-olah ghaib sehingga sukar mendapatkan perkhidmatan pengangkutan.

Selepas menanti hampir satu jam, seorang lelaki bernama Taufik, 39, seolah-olah seperti dihantar Tuhan sebelum menyatakan dia sedia menjadi 'supir' (pemandu) kami.

Perjalanan pintas melalui jalan belakang menaiki kenderaan sewa Toyota Avanza, milik Taufik menyajikan panorama kemusnahan demi kemusnahan.

Bermula dari Universitas Bait Rahmah yang musnah, puluhan kedai perniagaan hingga kepada masjid tertua di Padang, Masjid Raya Ganting, yang turut musnah. Malah, penduduk Padang yang cuba menyelamatkan diri ke Pekan Baru, tambah menyesak jalan raya sehingga sukar untuk kenderaan kami melepasi laluan sempit berkenaan. **-Jamilul Anbia Md Denin**